



PAPAN tanda peraturan larangan aktiviti yang terdapat dalam hutan simpan kekal. - Foto Mohd Rafi Mamat

Salah masuk hutan simpan tanpa permit

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) memberi amaran tindakan undang-undang akan dikenakan kepada penceroboh hutan simpan kekal di negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata, pihak yang ingin memasuki hutan simpan kekal perlu memiliki permit atau kebenaran bertulis daripada pihaknya sama ada di peringkat negeri atau daerah.

Menurutnya, berada dalam hutan simpan dengan apa juga tujuan seperti beriadah, melakukan kajian, memburu, memancing dan sebagainya perlu memiliki permit yang dikeluarkan Pejabat Hutan Daerah (PHD) di daerah terbabit.

Katanya, bayaran RM10 dikenakan pada setiap permit yang dikeluarkan kepada pemohon, tidak ada pengecualian diberikan pada pihak ingin memasuki hutan simpan di negeri ini.

“Tindakan mengikut Sesyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 akan dikenakan pada individu yang didapati berada dalam hutan simpan tanpa permit yang dikeluarkan JPNP dan PHD.

“Kita tidak boleh bertolak ansur dengan pihak yang menceroboh hutan simpan, banyak kes pihak yang berada dalam kawasan hutan simpan bertindak mengambil hasil hutan tanpa kebenaran,” katanya, di sini hari ini.

Beliau mengulas hukuman denda RM45,000 yang dikenakan Mahkamah Sesyen, di sini minggu lalu kepada seorang lelaki warga Kemboja yang ditahan ketika berada dalam Hutan Simpan Taman Negeri Endau-Rompin tanpa kebenaran.

Mohd Hizamri berkata, semua PHD sudah diarahkan supaya sentiasa melakukan rondaan bagi mengesan aktiviti pencerobohan hutan simpan di kawasan mereka yang terdedah dengan pelbagai aktiviti dilarang.

Katanya, tahun lalu PHD Jerantut menahan lebih 50 individu yang memasuki Hutan Simpan Berkelah tanpa permit, mereka berada dalam kawasan terbabit dengan pelbagai tujuan seperti memancing, memburu, beriadah bersama keluarga dan aktiviti menunggang motosikal serta pacuan empat roda.

“Saya berharap pihak yang memasuki hutan simpan di negeri ini supaya dapat menghubungi PHD kawasan terbabit bagi mendapatkan permit atau kebenaran bertulis daripada pegawai.

“Kita sentiasa bekerjasama dengan pihak yang bercadang memasuki hutan simpan untuk tujuan beriadah bersama keluarga terutama membabitkan kawasan yang terdapat jeram dan sungai,” katanya yang berusaha menambah lebih banyak papan tanda notis amaran di pintu masuk hutan simpan.